



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 48/6/17**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**KERANI PERKAPALAN – (D.3-4 EB.5-6)  
JABATAN LAUT  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



- 1. KERANI PERKAPALAN  
JABATAN LAUT  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN  
D.3-4 EB.5-6 (\$900 - \$1,785 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Laut sebagai Kerani serta lulus Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Kerani serta lulus Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 4 tahun.

2. Berumur diantara 20 tahun hingga 40 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KERANI PERKAPALAN:**

1. Melayan dan memproses permohonan-permohonan bagi melesen kapal dan bagi mendapat pelepasan pelabuhan.
2. Menerima dan memproses laporan-laporan ketibaan kapal-kapal.
3. Menyediakan tuntutan-tuntutan yuran-yuran dan cukai-cukai.
4. Membuat pemeriksaan ke atas kapal-kapal mengangkut batu dari luar negeri ditempatkan penurunan yang dibenarkan.



5. Menjalankan tugas Penguatkuasaan undang-undang.
6. Bersedia bertugas di mana-mana cawangan di Bahagian Perkapalan dan sanggup bertugas secara bergilir-gilir (*shift duty*).
7. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.